

## **Adaptasi Pelajar Pribumi: Kajian Kes Di Sungai Siput, Perak**

### **Suhaila Kamal**

Universiti Teknologi Mara, Melaka,  
suhailabintikamal@gmail.com

### **Nurliyana Kamilah Khairul Anuar**

Universiti Teknologi Mara, Melaka,  
nurliyana.kamilah@gmail.com

### **Siti Nurshahida Sah Allam**

Universiti Teknologi Mara, Melaka,  
shahidah321@melaka.uitm.edu.my

### **Siti Nasarah Ismail**

Universiti Teknologi Mara, Melaka,  
ct\_nasarah@yahoo.com

### **Dzaa Imma Abdul Latif**

Universiti Teknologi Mara, Melaka,  
dzaa71@yahoo.com

## **ABSTRAK**

Motivasi memainkan peranan penting dalam adaptasi antara budaya. Kesediaan untuk mempelajari budaya baharu memerlukan motivasi yang akan mendorong pemahaman dan adaptasi antara budaya. Individu yang bermotivasi akan beradaptasi dengan budaya baharu dan mengubah tingkah laku. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang memotivasi dan menghalang adaptasi pelajar Pribumi di Sungai Siput dengan budaya sekolah. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kualitatif dengan bersandarkan kepada Teori Adaptasi Antara budaya (Elingsworth 1988). Data diperolehi menerusi kaedah temu bual kumpulan fokus terhadap pelajar Pribumi. Hasil kajian mendapati ilmu terutamanya dari segi mempelajari kaedah berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu, Agama Islam, makanan dan tandas adalah faktor yang memotivasikan mereka. Manakala komunikasi, rakan sebaya, kewangan dan pengangkutan menjadi penghalang kepada mereka untuk beradaptasi. Kajian ini juga mendapati bahawa komunikasi antara budaya dengan individu dari budaya tuan rumah (Pelajar Melayu) adalah faktor penting dalam proses adaptasi antara budaya.

**Kata Kunci:** Motivasi, Adaptasi Antara Budaya, Komunikasi Antara budaya dan Masyarakat Pribumi

## **PENDAHULUAN**

Malaysia adalah sebuah negara multibudaya yang kaya dengan kepelbagaian etnik. Multibudaya merujuk kepada etika penerimaan, hormat menghormati, perbezaan cara hidup serta keharmonian dan kerukunan masyarakat (Henry & Kuzak 2013). Menurut mereka, konsep ini mula diterima pada tahun 1957 bagi menggambarkan mozek budaya yang berbeza di Switzerland. Sehingga kini konsep ini terus diaplikasi secara meluas bagi membincangkan isu tentang etnik, budaya dan bahasa masyarakat yang pelbagai.

Kaum Melayu, Cina dan India adalah tiga etnik utama di Malaysia. Selain daripada tiga kaum utama tersebut, masyarakat Pribumi adalah sebahagian daripada masyarakat yang mewarnai kepelbagaian budaya tersebut. Kaum Pribumi adalah masyarakat asal dan komuniti kecil di negara ini (Kamarulzaman 2008). Mereka adalah satu kelompok masyarakat yang mempunyai pelbagai fahaman dan cara hidup yang berbeza-bebeza berbanding dengan masyarakat lain di Malaysia (Siti Nurul Ainmey 2013). Menurut Er Ah Choy et. al (2010) dan Mohd Mizan dan Shuhairimi (2004) majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan lama tinggalan nenek moyang mereka.

Pelbagai usaha dirancang oleh pihak kerajaan bagi memastikan kelompok minoriti ini tidak ketinggalan dari arus pembangunan negara terutamanya dari sudut peningkatan taraf pendidikan formal selaras dengan falsafah pendidikan negara. Hal ini kerana anak-anak Pribumi ini telah dikenal pasti sebagai kumpulan yang paling berisiko tinggi ketinggalan dalam arus pemodenan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Tambahan pula, menurut Mohd Tap (1990) pendidikan adalah agenda penting dalam pembangunan masyarakat Pribumi. Pembelajaran formal di sekolah adalah salah satu usaha terancang oleh pihak kerajaan dalam memastikan kumpulan ini mendapat pendidikan dan tidak tercicir dari arus pemodenan negara. Namun dengan pengamalan cara hidup yang berbeza dari masyarakat lain di Malaysia, terutamanya dari segi komunikasi, para pelajar Pribumi perlu beradaptasi dengan budaya baharu di sekolah (Mohd Mizan & Shuhairimi 2004).

## **MASYARAKAT PRIBUMI DI MALAYSIA**

Masyarakat Pribumi di Malaysia adalah kaum asal yang masih ketinggalan dalam pembangunan pendidikan. Hal ini kerana menurut Toh Kit Siang et. al (2008) pelajar Pribumi masih ketinggalan jauh dalam pendidikan jika dibanding dengan pencapaian rakyat Malaysia yang lain. Selain itu, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli pada tahun 2012, terdapat seramai 26,268 pelajar Pribumi di sekolah rendah dan 12,147 orang pelajar Pribumi di sekolah menengah di seluruh negara (JKOA 2012).

Walau bagaimanapun, Nicholas (2005) mendakwa sekiranya terdapat seramai 100 orang pelajar Pribumi mendaftar tahun satu, hanya enam pelajar sahaja yang akan menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima. Manakala 94 peratus pelajar Pribumi didapati tidak dapat dikesan sama ada berjaya menamatkan pengajian atau tidak.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan keciciran mereka. Kajian yang dijalankan oleh Azizah (2008) mendapati bahawa kesukaran untuk berkomunikasi merupakan faktor yang menyebabkan kesukaran proses pembelajaran. Hal ini kerana komunikasi adalah elemen penting dalam kehidupan manusia terutamanya dalam konteks interaksi antara budaya. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan dakwaan oleh Porter dan Samovar (1976) yang menyifatkan bahawa komunikasi manusia sebagai asas kepada interaksi silang budaya.

Mereka juga percaya memahami kaedah berkomunikasi adalah syarat utama untuk memahami interaksi antara budaya. Interaksi antarbudaya merujuk kepada proses komunikasi yang berlaku apabila sumber mesej dan penerima mesej terdiri daripada individu yang berlainan latar budaya. Selain faktor komunikasi, pelajar Pribumi mempunyai banyak perbezaan budaya jika dibandingkan dengan kaum lain di Malaysia (Arman 2007). Ellingsworth (1988) mendakwa bahawa kesukaran untuk berkomunikasi oleh dua individu atau kumpulan yang berbeza budaya dapat diatasi dengan proses adaptasi. Justeru, proses adaptasi dengan budaya sekolah adalah perlu kepada pelajar Pribumi bagi memudahkan proses pembelajaran.

Motivasi memainkan peranan penting dalam adaptasi antara budaya. Kesiediaan untuk mempelajari budaya baharu memerlukan motivasi yang akan mendorong pemahaman

dan adaptasi antara budaya (Pietla 2010). Hal ini kerana individu yang tidak termotivasi hanya akan berusaha sedikit sahaja untuk beradaptasi berbanding dengan individu yang mempunyai motivasi. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji secara mendalam faktor yang memotivasikan pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah dan faktor-faktor yang menjadi penghalang proses adaptasi tersebut berdasarkan kepada teori adaptasi antara budaya Ellingsworth (1988).

## TEORI ADAPTASI ANTARA BUDAYA

Adaptasi adalah satu proses apabila individu atau kumpulan dalam silang budaya mengubah tingkah laku untuk memudahkan pemahaman orang lain. Pengubahsuaian ini dilakukan untuk mengurangkan kemungkinan disalahertikan oleh individu atau kumpulan lain daripada budaya yang berbeza (Deborah & Jose 1996). Teori adaptasi antara budaya (*Intercultural Adaptation Theory, IAT*) adalah teori yang boleh diguna pakai dalam membincangkan fenomena ini.

IAT adalah teori yang menerangkan secara mendalam tentang interaksi manusia dengan persekitaran budaya baharu. Menurut teori ini, manusia akan mengubah identiti dan tingkah laku apabila berhadapan dengan persekitaran budaya baharu (Ellingsworth 1988). Beliau juga mendakwa bahawa proses adaptasi antara individu atau kumpulan dengan individu atau kumpulan yang berlainan latar belakang budaya memerlukan lebih banyak proses pengubahsuaian bagi mengurangkan kebarangkalian timbulnya masalah salah faham antara satu sama lain berbanding dengan individu atau kumpulan dari budaya yang sama. Kenyataan ini turut disokong oleh Cai dan Rodriguez (1997) yang mendakwa bahawa salah faham sering berlaku apabila proses interaksi berlaku di antara individu atau kumpulan yang tidak mengetahui dan memahami latar budaya masing-masing.

Teori ini turut menegaskan bahawa adaptasi adalah satu proses untuk mencapai matlamat. Manusia pula berinteraksi dan berkomunikasi untuk mencapai matlamat tersebut. Ellingsworth (1988) mendakwa bahawa terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi adaptasi antarabudaya. Faktor tersebut adalah motivasi dan pengaruh kuasa dalam interaksi. Manusia akan beradaptasi apabila mempunyai matlamat dalam interaksi dan mempunyai motivasi untuk memastikan perkara tersebut berjaya. Sekiranya manusia mempunyai tujuan atau matlamat yang sama mereka akan beradaptasi dan perbezaan antara mereka akan diketepikan.

Sekiranya dua orang individu mempunyai matlamat yang sama, maka kedua-duanya akan beradaptasi. Jika hanya seorang individu sahaja yang mempunyai matlamat maka hanya seorang individu sahaja yang akan beradaptasi (Berry 2006). Konsep ini juga diguna pakai dalam konteks pengaruh dan kuasa. Individu yang kurang berkuasa akan beradaptasi dengan individu yang lebih berkuasa dan sebaliknya (Ellingsworth 1988).

Selain itu teori ini turut menegaskan bahawa semakin tinggi proses adaptasi semakin banyak berlakunya perubahan terhadap tingkahlaku dan persepsi individu terhadap diri sendiri, orang lain dan budaya yang diwakilinya. Semasa proses adaptasi berlaku, pelaku mempelajari tentang dirinya sendiri, orang lain dan mengubahsuaikan persepsi terhadap budaya dan streotaip. Pengetahuan dan ilmu yang diperolehi semasa proses ini berlaku pula akan mempengaruhi tingkahlaku komunikasi antarabudaya pelaku pada masa akan datang. Walau bagaimanapun dalam tempoh waktu yang terhad, kajian ini akan hanya memberi fokus kepada faktor motivasi pelajar Pribumi beradaptasi dengan budaya sekolah sahaja. Manakala faktor kuasa tidak akan dikaji dalam kajian ini.

## PERKEMBANGAN ADAPTASI DAN BUDAYA SEKOLAH

Sekolah adalah institusi yang bertanggungjawab memberi pendidikan formal kepada masyarakat. Fenomena ini disokong oleh Siong (2013) yang mentakrifkan sekolah sebagai institusi sosial yang diwujudkan bagi memenuhi keperluan masyarakat. Beliau turut menegaskan bahawa budaya sekolah adalah sebahagian daripada budaya masyarakat kerana sekolah lahir untuk memenuhi keperluan masyarakat. Selain itu Ting dan Sidek (2007) mendakwa bahawa sekolah adalah institusi penting yang ditubuhkan oleh masyarakat bagi menjadi agen penerus budaya kepada generasi baharu.

Siong (2013) menyenaraikan tiga ciri budaya sekolah yang terdiri daripada budaya instrumental, budaya eksresif dan budaya moral. Budaya instrumental memberi penekanan kepada kepentingan masa hadapan. Seterusnya budaya eksresif lebih memfokuskan institusi sekolah sebagai institusi yang memberi kepuasan kepada aktiviti-aktiviti seni dan kreatif. Manakala budaya moral merujuk kepada usaha pihak sekolah dalam memberi penumpuan kepada usaha menyatukan kumpulan-kumpulan murid melalui perkongsian.

Kajian tentang adaptasi budaya telah dikaji secara intensif sejak tahun 1930 di Amerika Syarikat dan di negara-negara Eropah (Kim 2005). Manakala Kim (1977, 1978, 1987, 2001, 2006) adalah sarjana yang paling banyak menjalankan kajian tentang proses adaptasi. Beliau merupakan pengkaji pertama yang mengkaji tentang hubungan antara komunikasi, antarabudaya, akulturasi dan adaptasi. Kim mendapati bahawa imigran yang berada dalam jaringan negara tuan rumah lebih berakulturasi daripada imigran yang berada dalam kumpulan mereka sendiri.

Kim (1997) mendakwa bahawa adaptasi berlaku menerusi proses komunikasi kerana aktiviti komunikasi adalah penyambung kepada budaya baharu dan kemudiannya menjadikan adaptasi satu realiti. Kim membahagikan aktiviti komunikasi dalam proses adaptasi kepada dua bentuk iaitu komunikasi sendiri dan komunikasi sosial. Komunikasi sendiri merujuk kepada keupayaan atau kebolehan individu untuk berkomunikasi dalam budaya tuan rumah. Komunikasi sosial ini merangkumi aspek komunikasi antara perorangan dan komunikasi massa. Manakala komunikasi sendiri merujuk kepada proses mental dimana individu mengurus diri mereka dalam persekitaran sosio budaya dengan membina kaedah melihat, mendengar, memahami dan bertindak balas dengan persekitaran baru. Terdapat dua kemungkinan yang berlaku dalam budaya tuan rumah iaitu menerima individu yang beradaptasi atau tidak.

Nasarudin Subhi et. al (2011) telah menjalankan survei terhadap 96 orang pelajar Sabah dan Sarawak di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian tersebut bertujuan untuk mengkaji penyesuaian diri dan cara gaya tindak pelajar Sabah dan Sarawak di UKM. Dapatan kajian mendapati bahawa penyesuaian diri pelajar mempunyai hubungan signifikan dengan ketiga-tiga cara gaya tindak iaitu cara gaya tindak pengelakan, berorientasi tugas dan berorientasi emosi.

Pietla (2010) mendakwa motivasi memainkan peranan penting dalam adaptasi antara budaya. Beliau menegaskan motivasi adalah sebab manusia melakukan sesuatu perkara. Selain itu Pietla turut menegaskan nilai motivasi untuk beradaptasi dengan budaya baru juga bergantung kepada proses komunikasi antara budaya. Dalam konteks ini motivasi boleh dirujuk sebagai sebab atau faktor manusia beradaptasi.

Manakala Kim (2001) telah menyatakan bahawa motivasi untuk beradaptasi adalah kesanggupan seseorang individu untuk menyertai dan berperanan dalam persekitaran budaya tuan rumah. Motivasi untuk beradaptasi juga adalah kapasiti atau keupayaan emosi untuk berhadapan dengan cabaran yang terdapat dalam persekitaran budaya tuan rumah. Justeru itu, Kim merumuskan bahawa semakin tinggi nilai motivasi untuk beradaptasi semakin manusia berusaha untuk mempelajari dan mengambil bahagian dalam persekitaran budaya tuan rumah.

## METODOLOGI

Kajian kes tentang adaptasi pelajar Pribumi dengan budaya sekolah akan dijalankan di Sungai Siput, Perak dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pemilihan tempat kajian ini dibuat berpandukan saranan daripada Jorgensen (1989). Menurut beliau penentuan pemilihan tempat kajian perlu mengambil kira sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membataskan apa yang ingin dikaji. Dalam kajian ini, Sekolah di Sungai Siput dipilih kerana kesanggupan dan sikap kerjasama yang diberikan oleh pengetua, guru-guru dan pentadbir. Justeru, faktor pemilihan sekolah ini didapati telah menepati saranan Jorgensen dan boleh mencapai tujuan kajian ini.

Teknik pengumpulan data bagi pendekatan kualitatif dalam kajian ini menggunakan kaedah perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion, FGD*). Kaedah FGD diaplikasi dalam kajian ini kerana Hollander (2004) dan Lindlof & Taylor (2011) FGD boleh membantu pengkaji untuk mendalami isu-isu yang berkaitan dengan budaya sesuatu kumpulan kajian. Azizah (2010) juga mendakwa penggunaan kaedah FGD juga didapati membolehkan pengkaji mendapatkan kefahaman lebih mendalam tentang sesebuah tajuk. Format FGD juga membolehkan moderator meneroka isu-isu yang tidak dijangka (Krueger 1994).

Dalam kajian, FGD akan dijalankan bersama 16 orang pelajar Pribumi yang dipilih secara rawak. Enam belas orang pelajar Pribumi ini dibahagikan kepada empat kumpulan. Data dari FGD ini dianalisis secara manual dan dilaporkan. Jadual 1.0 menunjukkan taburan informan FGD.

**Jadual 1.0 Taburan Informan Temu Bual Kumpulan Fokus**

Kumpulan	Lelaki	Perempuan
Kumpulan 1 (K1)	1	3
Kumpulan 2 (K2)	1	3
Kumpulan 3 (K3)	2	2
Kumpulan 4 (K4)	2	2

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan temubual kumpulan fokus bersama empat kumpulan pelajar pribumi yang terdiri daripada empat orang pelajar Pribumi bagi setiap kumpulan data di kutip dan dianalisa. Berikut adalah hasil dapatan kajian yang akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor motivasi dan faktor penghalang motivasi pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya di sekolah.

Hasil temu bual kumpulan fokus dalam kajian ini mendapati terdapat pelbagai bentuk motivasi yang mendorong pelajar Pribumi beradaptasi dengan budaya pembelajaran di sekolah. Antara faktor-faktor utama yang mendorong para pelajar Pribumi beradaptasi ialah

ilmu pengetahuan, makanan, agama, dan kemudahan asas yang boleh didapati di sekolah dan bukan di rumah.

Hasil kajian mendapati pelajar Pribumi beradaptasi dengan budaya sekolah kerana ingin mendapatkan ilmu pengetahuan. Selain itu juga, pelajar Pribumi didapati menyedari dan memahami tentang kepentingan ilmu pengetahuan apabila mereka mempunyai justifikasi yang kuat untuk belajar. Antara justifikasi yang diberikan oleh mereka adalah untuk menyambung pelajaran, membalas jasa ibu bapa mereka, mengubah kehidupan dan membina masa depan yang lebih cerah.

Manakala informan ketiga dari kumpulan pertama telah menyatakan secara terus apabila memasuki alam persekolah beliau sedar bahawa ilmu pengetahuan itu penting dan kini menjadi pendorong kepada beliau untuk beradaptasi dengan budaya sekolah. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual kumpulan fokus daripada informan pertama (P1K1) dan ketiga (P3K1) kumpulan pertama, informan kedua (P2K2) dan keempat (P4K2) kumpulan kedua, informan ketiga kumpulan ketiga (P3K3) dan informan pertama kumpulan keempat (P1K4) seperti berikut;

*"First sekali nak belajar..nak dapatkan ilmu, pastu dapat ilmu nanti boleh sambung belajar pastu tolong mak ayah kat rumah... Haa sebab masa kecil-kecil mak ayah selalu jaga bagi semua apa kemudahan, pastu kasih sayang semua sebab tu lah hah nak balas balik, segala jasa ibu bapa..." (P1K1)*

*"Mula-mula tu kan, mula-mula masuk sekolah tu kan, rasa sekolah nih tak penting. Bila dah naik darjah enam, tingkatan satu dari situ saya tahu pelajaran nih penting untuk hidup..." (P1K3)*

*"...Untuk dapat ilmu la, supaya masa depan berjaya..." (P2K2)*

*"Meningkatkan pelajaran...sebab nak, sebab tengok dunia luar...ubah kehidupan..." (P2K4)*

*"Belajar tu kan penting, kenalah belajar...tak belajar tak boleh bantu ibu dan ayah...(P3 K3)*

*"Saya tu cuba nak jadi orang berguna...belajarlah di sekolah..."(P1K4)*

Selain daripada termotivasi bagi mendapatkan ilmu pengetahuan di sekolah, para pelajar Pribumi juga menyatakan bahawa makanan adalah elemen penting yang menyebabkan mereka beradaptasi dengan sekolah. Hal ini kerana dengan hadir ke sekolah bekalan makanan yang mereka perolehi mencukupi dan lebih sedap berbanding di rumah. Menurut informan lagi, pihak asrama membekalkan makanan sebanyak enam kali sehari berbanding di rumah hanya maksimum dua kali sehari. Selain itu, faktor ahli keluarga yang ramai juga menyebabkan kadang-kala bekalan makanan di rumah tidak mencukupi. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual mendalam informan kedua (P2K1) dan ketiga (P3K1) kumpulan pertama serta informan pertama kumpulan kedua (P1K2) seperti berikut;

*"...makan di rumah tu dua kali, kalau di sekolah boleh makan enam kali..." (P2K1)*

*"Dapat makan...sedap" (P3K1)*

*"Makan...kat rumah tue kadang tak cukuplah, tapi kalau dekat sekolah tu cukup semuanya...saya ada sepuluh adik beradik tapi sorang sudah meninggal dunia...seronok jugalah sebab selesa..." (P1K2)*



Seterusnya faktor agama Islam juga menyumbang kepada motivasi pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah. Menerusi FGD yang dijalankan didapati bahawa sekolah memiliki persekitaran yang menggalakan untuk para pelajar menunaikan solat dan bertudung. Sebagai contoh di sekolah para pelajar Pribumi tidak kekok dan terhalang untuk menunaikan solat dan memakai tudung.

Perbandingan persekitaran di rumah dan di sekolah telah dibuat oleh para pelajar Pribumi. Di rumah mereka kekok untuk menunaikan solat kerana ibu bapa mereka tidak menunaikan solat dan menghalang mereka untuk bersolat. Manakala kekangan untuk memakai tudung di rumah adalah disebabkan bimbang akan persepsi masyarakat yang melabel individu yang memakai tudung sebagai ingin menunjuk alim. Perbandingan ini menunjukkan bahawa persekitaran di sekolah lebih menggalakkan mereka untuk beragama berbanding di rumah. Keadaan ini juga mendorong mereka untuk beradaptasi dengan persekitaran di sekolah. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual mendalam informan pertama (P1K2), kedua (P2K2) dan ketiga (P3K2) kumpulan kedua, informan pertama kumpulan ketiga (P1K3) dan informan kedua kumpulan keempat (P2K4) seperti berikut:

*“Kalau, kalau dekat sekolah tu boleh, boleh nak solat kat rumah tu tak boleh nak solat sebab mak pun tak solat...” (P1K2)*

*Kat “Dekat rumah tak ada boleh main, tak ada riadah...kat rumah tak boleh sembahyang. sekolah tu ada solat...sebab macam ayah...ayah tak bagi solat...”(P2K2)*

*“Kat rumah tu tak ada nak pakai tudung...tapi kat sekolah boleh pakai tudung. Sebab kat kampung tu tak pakai. Tapi kalau dekat rumah tu nak pakai orang cakap macam-macam. Macam nak tunjuk alim...”(P3K2)*

*“Di asrama tu ada ustat suruh solat tapi balik rumah tak solat...ayah tak islam”. (P1K3)*

*“Kat kampung tu tak semua islam...tak semua solat...nak solat kat rumah macam rasa tak selesa...”(P2K4)*

Selain itu, kemudahan asas yang terdapat di sekolah juga menjadi faktor utama yang memotivasikan para pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah. Seperti mana aspek agama di ulas oleh pelajar Pribumi dengan melakukan perbandingan antara persekitaran di rumah dan disekolah begitu juga dengan aspek kemudahan asas. Mereka mendakwa kemudahan asas disekolah telah memotivasikan mereka untuk beradaptasi.

Kemudahan asas yang dimaksudkan ialah kemudahan elektrik dan tandas. Kemudahan elektrik tidak terdapat di rumah mereka sebaliknya hanya penggunaan generator di aplikasikan. Di rumah mereka tidak mempunyai tandas sebaliknya hanya bergantung kepada sungai sebagai tempat kumbahan secara semula jadi. Kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah dan tidak terdapat di rumah ini turut menjadi faktor pendorong kepada proses adaptasi pelajar Pribumi. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual kumpulan fokus informan pertama (P1K1), dan keempat (P4K1) kumpulan pertama, informan keempat kumpulan kedua (P4K2), informan kedua kumpulan ketiga (P2K3) serta informan keempat kumpulan keempat (P4K4) seperti berikut:

*“Dekat kampong tu tak der tandas .....semua dekat sungai. Bertuahlah dapat asrama nih, dua dorm satu tandas, dua dorm satu tandas. Selalu kalau asrama lain, semua dorm satu tandas...” (P1K1)*

*“Kemudahan pun senang berbanding dekat kampung...” (P4K1)*

*“Kat sekolah dapat kemudahan elektrik kat rumah tu air jer ada...” (P4K2)*

*“Hurm rumah tu susahlah, nak buka enjin pun kalau ada duit, kalau tak der tu tak derlah, kalau tak ada tu tak boleh lah nak belajar...” (P2K3)*

*“Kat rumah guna generator...kemudahan elektrik tu ta ada susahlah”(P4K4)*

Berdasarkan petikan-petikan FGD di atas, dapat dibuktikan bahawa faktor motivasi pelajar pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah terdiri daripada faktor ilmu pengetahuan, agama Islam, makanan dan kemudahan asas

Seterusnya terdapat pelbagai faktor penghalang motivasi pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah. Antaranya bahasa, rakan sebaya, kewangan dan pengangkutan. Faktor penggunaan bahasa yang berbeza dengan bahasa yang dituturkan di rumah menjadi penghalang kepada proses adaptasi pelajar Pribumi. Di rumah mereka bertutur dengan menggunakan Bahasa Masyarakat Pribumi.

Di sekolah Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar. Kelemahan dalam penggunaan Bahasa Melayu ini menyebabkan berlakunya kesukaran awal kepada para pelajar Pribumi beradaptasi. Kelemahan penggunaan Bahasa Melayu ini juga telah menyebabkan timbulnya perasaan gemuruh dan takut untuk berkomunikasi dengan guru-guru di sekolah. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual kumpulan fokus informan pertama kumpulan pertama (P1K1), informan ketiga (P3K2) dan keempat (P4K2) kumpulan kedua, informan kedua kumpulan ketiga (P2K3) dan informan ketiga kumpulan keempat (P3K4) seperti berikut:

*“Susah nak cakap dengan cikgu...dia orang kan..., kami kan Orang Asli kan...nak cakap kena Bahasa Melayu...kadang-kadang tercampur bahasa sendiri lagi. Tapi dah lama tu okay la...” (P1 K1)*

*“Mula-mula tu susahlah sebab cakap Bahasa Melayu...kat rumah Bahasa Asli. Rasa susahlah nak cakap masa tahun satu tue, masa sekarang senang sikitlah sebab ada sikit belajar Bahasa Melayu...” (P3K2)*

*“Gemuruh nak cakap dengan cikgu, takut susah nak cakap tak tahu Bahasa Melayu sangat, susah...” (P4 K2)*

*“Mula-mula masuk sekolah tu...tak pandai cakap...rasa takut cikgu marah lama-lama tu cakap sikit-sikit...”(P2K3)*

Kajian ini juga mendapati bahawa faktor rakan sebaya turut menyumbang kepada faktor yang menghalang pelajar Pribumi untuk beradaptasi. Hasil analisis FGD ini mendapati terdapat rakan sebaya dari kaum Melayu dan India mengganggu pelajar Pribumi di sekolah.

Gangguan yang dimaksudkan adalah seperti megejek pelajar Pribumi berkulit gelap dan menarik rambut pelajar Pribumi. Gangguan ini kebanyakannya diterima daripada pelajar Melayu. Gangguan-gangguan ini juga menyebabkan pelajar Pribumi kurang selesa untuk belajar dan hadir ke sekolah. Situasi ini sekaligus menjadi penghalang ke arah adaptasi mereka dengan budaya di sekolah. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual kumpulan fokus informan kedua kumpulan pertama (P2K1), informan kedua (P2K2), dan keempat (P4K2) kumpulan kedua dan informan ketiga kumpulan keempat (P3K4) seperti berikut;



*"...Ada kumpulan budak-budak lelaki Melayu, mereka nakal...Suka kacau... Memang dah terkenal...Nak belajar pun susah." (P2K1)*

*"Kawan ejek...macam orang Melayu, orang India ejek Orang Asli, sebab tue kadang saya malas nak datang sekolah...ejek, ejek Orang Asli hitamlah, rasa sedih..." (P2K2)*

*"Masa tu tingkatan satu...masa tu baru datang sekolah ni...datang sekolah orang Melayu buli. Masa tu kan saya belum Islam tak pakai tudung. Mereka tu tarik rambut...Mereka tu nakal sangat..." (P4K2)*

*"Kawan Melayu ejek-ejek...pelajar asli tak mandi, kami busuk...rasa sedih sampai tak mahu pergi sekolah..."(P3K4)*

Faktor penghalang seterusnya ialah sumber kewangan. Sumber kewangan yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan persekolahan mereka juga menjadi salah satu faktor yang menghalang motivasi pelajar Pribumi beradaptasi. Difahami bahawa kewangan yang diberikan oleh ibu bapa mereka tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sekolah seperti membayar yuran, membeli buku dan mengikuti program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual kumpulan fokus informan pertama kumpulan pertama (P1K1), informan ketiga kumpulan kedua (P3K2) dan informan ketiga kumpulan keempat (P3K4) seperti berikut:

*"Masalah duit...Kadang tu nak bayar buku, nak bayar yuran...Macam yuran PIBG tu RM50.00...Mak ayah bagi tak cukup, saya kan ramai adik beradik..."(P1K1)*

*"Tak cukup duit macam nak beli buku dan join-join aktiviti sekolah..." (P3K2)*

*"Mak ayah tu tak cuku duit nak bagi sekolah...nak bagi yuran..." (P3K4)*

Jarak sekolah yang jauh dari rumah juga didapati menjadi penghalang motivasi pelajar Pribumi beradaptasi dengan budaya sekolah. Mereka perlu menaiki bas dari sekolah ke Pekan Lasah kemudian dari Pekan Lasah menaiki motosikal atau berjalan kaki ke kampung mereka. Perjalanan pulang ke sekolah dari rumah ini memakan masa sehingga dua atau tiga jam. Hasil analisis ini dibuktikan dengan petikan temu bual kumpulan fokus informan keempat kumpulan pertama (P1K4), informan ketiga kumpulan kedua (P3K2) dan informan kedua kumpulan ketiga (P2K3) seperti berikut:

*"...Kenderaan, jauh jugaklah kitaorang kena naik bas di Lasah, pastu naik motor... (P4K1)*

*"Susah nak datang sebab kena naik bas, moto tak ada lesen...dalam tiga jam juga naik motor..."(P3K2)*

*"Jauh rumah dan sekolah dalam dalam...empat jam. Dari sini pergi pekan naik bas pastu jalan kaki..."(P2K3)*

Berdasarkan petikan-petikan FGD di atas, dapat dibuktikan bahawa faktor penghalang motivasi pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah terdiri daripada bahasa, rakan sebaya, kewangan dan jarak sekolah yang jauh dari rumah.

## PERBINCANGAN

Pendidikan yang berkualiti adalah aset utama pembangunan negara Malaysia. Mengabaikan aset terpenting ini sama seperti tindakan mengekang pencapaian negara dan menghalang keperluan individu untuk memajukan diri dan akhirnya kembali menyumbang kepada pertumbuhan masyarakat dan perkembangan negara. Dalam konteks pelajar Pribumi mereka perlu beradaptasi dengan budaya sekolah terlebih dahulu bagi memastikan proses pembelajaran mereka menjadi mudah dan menarik minat mereka. Untuk beradaptasi manusia memerlukan motivasi sebagai penggerak dan memangkin ke arah matlamat yang ingin dicapai. Memandangkan motivasi dan adaptasi adalah berkadar langsung (Kim 2005)

Kajian ini mendapati faktor ingin mendapatkan ilmu pengetahuan, menunaikan tuntutan Agama Islam, mendapatkan makanan yang mencukupi dan kemudahan asas menjadi faktor motivasi pelajar Pribumi untuk beradaptasi. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa keperluan asas pelajar Pribumi masih belum dipenuhi memandangkan faktor makanan dan kemudahan asas turut menjadi salah satu faktor motivasi mereka untuk beradaptasi. Dapatan ini disokong dengan teori hierarki keperluan Maslow (1970) yang menegaskan manusia akan memenuhi keperluan psikologi terlebih dahulu sebelum keperluan-keperluan lain dicapai. Kajian ini mendapati bahawa keperluan psikologi pelajar Pribumi masih belum dipenuhi seperti makanan dan kemudahan asas seperti tandas. Tanpa memenuhi keperluan psikologi ini terlebih dahulu adalah agak sukar untuk memotivasikan manusia bagi mencapai matlamat lain seperti beradaptasi dengan budaya sekolah. Adaptasi ini akhirnya secara tidak langsung akan membantu mereka memberi fokus kepada pelajaran dan melanjutkan pelajaran.

Seterusnya kajian ini juga turut mendapati faktor bahasa, rakan sebaya, kewangan dan jarak sekolah yang jauh dari rumah telah menjadi penghalang motivasi pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya sekolah. Teori adaptasi antara budaya menggandakan bahasa adalah elemen penting kepada proses adaptasi antara budaya (Ellingsworth 1988; Kim 2005; Pietla 2010). Kelemahan menguasai bahasa tuan rumah akan melemahkan lagi proses adaptasi (Dean 2012). Kajian ini juga mendapati bahawa faktor bahasa antara isu penting kepada pelajar Pribumi apabila mereka merasakan kelemahan berbahasa Melayu telah menghalang mereka beradaptasi. Hasil kajian ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Dean (2012) dan Pietla (2010).

Dean (2012) menerusi kajiannya terhadap proses adaptasi pelajar Cina di United Kingdom mendapati terdapat beberapa faktor yang menghalang proses adaptasi berlaku seperti pergaulan yang terbatas dengan masyarakat tuan rumah. Walau bagaimanapun kajian beliau mendapati bahawa isu bahasa dan komunikasi adalah faktor penghalang utama. Menurut beliau, kesukaran pelajar Cina untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tuan rumah telah menyukarkan proses adaptasi pelajar Cina di United Kingdom pada permulaannya.

Pada peringkat permulaan pelajar Cina didapati terpaksa mengubah strategi pembelajaran mereka disebabkan masalah ini. Namun faktor penghalang motivasi ini hanya berlaku pada permulaan proses adaptasi sahaja. Kajian beliau turut mendapati bahawa apabila bahasa tuan rumah telah difahami dan dikuasai proses adaptasi pelajar Cina menjadi lebih mudah. Begitu juga dengan dapatan dalam kajian ini yang mendapati bahawa faktor penguasaan Bahasa Melayu yang lemah menjadi penghalang proses adaptasi. Namun kesukaran tersebut hanya berlaku semasa tempoh awal alam persekolahan. Kesukaran beradaptasi kerana faktor Bahasa Melayu berkurangan setelah bahasa tersebut dipelajari sedikit demi sedikit oleh mereka melalui proses interaksi sosial di sekolah.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Pietla (2010) mendapati bahawa motivasi dan adaptasi mempunyai hubungan berkadar langsung. Dalam erti kata lain, semakin tinggi nilai motivasi maka semakin tinggi proses adaptasi. Kajian ini turut mendapati bahawa apabila faktor halangan motivasi adaptasi pelajar Pribumi berjaya di atasi seperti faktor kelemahan penguasaan Bahasa Melayu berkurangan, maka proses adaptasi berlaku dengan lebih

mudah. Fenomena ini turut membuktikan dapatan kajian ini selari dengan kenyataan oleh Pitela yang mendakwa hubungan motivasi dan proses adaptasi adalah berkadar langsung.

Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohd Nur Syufaat Jamiran et al. (2013) turut menyokong dapatan kajian ini. Mereka telah mengkaji tentang tahap sosioekonomi penduduk Pribumi. Kajian mereka mendapati bahawa faktor kewangan dan jarak sekolah yang jauh telah menyebabkan pelajar Pribumi gagal menamatkan pelajaran. Masa yang panjang dihabiskan dalam perjalanan selain penat dan tidak mampu memberikan sepenuh perhatian terhadap pelajaran. Kekurangan sumber kewangan juga menjadi kekangan utama untuk meneruskan pelajaran mereka.

Manakala dalam kajian ini, masalah kewangan dan jarak sekolah yang jauh adalah antara faktor penghalang motivasi pelajar Pribumi beradaptasi dengan budaya sekolah. Tanpa beradaptasi dengan budaya sekolah menyebabkan proses pembelajaran menjadi sukar dan menyumbang kepada keciciran dalam kalangan anak-anak Pribumi (Mohd Nizam & Shuhairimi 2004).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah merungkai persoalan tentang faktor-faktor motivasi dan penghalangnya ke arah adaptasi pelajar Pribumi di sungai Siput Perak. Selain itu, dapatan kajian ini juga didapati selari dengan andaian teori adaptasi antarabudaya Elligworth (1988) seperti yang telah dibincangkan tentang peranan komunikasi dan bahasa dalam proses adaptasi dan hubungan kadar langsung antara motivasi dan adaptasi. Dapatan ini juga telah disokong oleh dapatan kajian sarjana-sarjana terdahulu seperti perbincangan di atas.

## KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi meneroka faktor-faktor yang memotivasikan dan penghalang bagi pelajar Pribumi untuk beradaptasi dengan budaya pembelajaran di sekolah. Hasil dapatan ini boleh dimanfaatkan oleh institusi pendidikan dan pihak kaunselor bagi membolehkan mereka membantu pelajar Pribumi menyesuaikan diri dalam keadaan persekitaran di sekolah yang berlainan dengan budaya mereka. Perkara ini diharapkan dapat membantu usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf pendidikan Pribumi di Malaysia.

Manakala bagi menambah baik kajian ini, pengkaji mencadangkan penggunaan teori dalam kajian seperti ini diperluaskan lagi dengan mengambil kira kedua-dua faktor yang mendorong individu beradaptasi iaitu motivasi dan pengaruh kuasa. Selain itu penggunaan model-model adaptasi boleh diimplementasikan. Antara model-model yang dicadangkan adalah seperti model lengkung U (Lysgaard 1955), model legkuk W (Gullahorn & Gullahorn 1963), model adaptasi antara budaya (penekanan terhadap komunikasi) (Gudykunst 1995) dan model dialek adaptasi antarabudaya (Anderson 1994).

Tuntasnya, proses adaptasi bukanlah sesuatu yang boleh dibuat-buat malah dirancang tetapi faktor untuk beradaptasi boleh diamal. Selain itu, isu keciciran pelajar Pribumi perlu diselesaikan dengan kadar segera dan diatasi secepat mungkin. Memandangkan tempoh perjalanan Malaysia untuk mencapai taraf negara maju adalah kurang dari lima tahun. Usaha patut digembeleng agar isu keciciran pelajar Pribumi tidak dipandang remeh mahupun diremeh-remeh oleh mana-mana pihak. Tidak ada nilainya sebuah negara maju berjaya kita lahirkan tetapi masih wujud golongan minoriti yang jauh ketinggalan dari segi pendidikan.

## RUJUKAN

Anderson, L.E. (1994). A new look at an old construct: Cross-cultural adaptation.

*International Journal of Intercultural Relations*, 18(2), 293-328.

- Arman, A. S. (2007). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Kalangan Masyarakat Orang Asli* (Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional). Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 31(2), 33-42.
- Azizah Awang Hamid. (2008, 28 Februari). Left Behind? The Policies Are In Place, But Indigenous Students Still Face Problems. *The Star*
- Berry, J.W. (2006). *Handbook of Socialization: Theory and Research*. New York: Guilford Publications, Inc.
- Cai, D. A., & Rodriguez, J.I. (1997). Adjusting to Cultural Differences: The Intercultural Adaptation Model. *Intercultural Communication Studies*. Retrieved December 1<sup>st</sup>, 2014 from <http://www.trinity.edu/org/ics/ICS%20Issues/ICS%20VI/ICS-VI-2-%20Cai.pdf>
- Deborah, A. & Jose, I. R. (1996). Adjusting to Cultural Differences: The Intercultural Adaptation Model. *Intercultural Communication Studies*, 2(7). Retrieved October 20<sup>th</sup>, from <http://www.trinity.edu/org/ics/ICS%20Issues/ICS%20VI/ICS-VI-2-%20Cai.pdf>
- Dean, K. D. (2012). *The intercultural adaptations of the Chinese learners*. Retrieved December 1<sup>st</sup>, 2014 [https://www.academia.edu/1518488/The\\_intercultural\\_adaptations\\_of\\_the\\_Chinese\\_learners](https://www.academia.edu/1518488/The_intercultural_adaptations_of_the_Chinese_learners)
- Ellingsworth, H.W. (1988). A theory of adaptation in intercultural dyads. In. Y.Y. Kim & W.B. Gudykunst (Edt.). *Theories in Intercultural Communication*. California: Sage.
- Elliot. (2005). *How To Conduct A Focus Group*. Retrieved May 13<sup>th</sup>, 2014 from [http://assessment.aas.duke.edu/documents/How\\_to\\_Conduct\\_a\\_Focus\\_Group.pdf](http://assessment.aas.duke.edu/documents/How_to_Conduct_a_Focus_Group.pdf)
- Er Ah Choy, Zalina & Joy Jacqueline Pereira. (2010). Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes Di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor Malaysia. *Jurnal Melayu*, 12(5), 295-314.
- Gullahorn, J.T., & Gullahorn, J.E. (1963). An Extension Of The U-Curve Hypothesis. *Journal of Social Issues*, 19(3), 33-47.
- Gudykunst, W.B. (1995). *Intercultural Communication Theory*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Henry N. & Kurzak, K. (2013). *A Multicultural Australia*. Retrieved December 1<sup>st</sup>, 2014 from <http://www.australiancollaboration.com.au/pdf/FactSheets/Multicultural-Australia-FactSheet.pdf>
- Hollander, J.A. (2004). The Social Contexts of Focus Group. *Journal of Ethnography*, 33, 602-637.

- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2012). *Laporan Tahunan Kemajuan Orang Asli 2012*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jorgensen, D. L. (1989). *Participant Observation: A Methodology For Human Studies*. California: Sage.
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2008). Educational Policy and Opportunities of Orang Asli: A Study On Indigenous People In Malaysia. *The Jurnal of Human Resource and Adult Learning*, 14(1), 86-97.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Majlis Pelancaran Transformasi Pendidikan Orang Asli Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Retrieved October 20<sup>th</sup>, 2014 from <http://buletinkpm.blogspot.com/2012/07/majlis-pelancaran-pelan-transformasi.html>
- Kim, Y.Y. (1977). Communication Patterns Of Foreign Immigrants In The Process Of Acculturation. *Human Communication Research*, 4, 66-77.
- Kim, Y.Y. (1978). A Communication approach to the acculturation process: A study of Korean immigrants in Chicago. *International Journal of Intercultural Relations*, 2(2), 197-224.
- Kim, Y.Y. (1987). Facilitating immigrant adaptation: The role of communication. In T.L. Albrech & M.B. Adelman (Edt.). *Communicating Social Support*. California: Sage.
- Kim, Y.Y. (2001). *Becoming Intercultural. An Integrative Theory of Communication and Cross-Cultural Adaptation*. California: Sage.
- Kim, Y.Y. (2005). Adapting to a New Culture. An Integrative Communication Theory. In W.B. Gudykunst (Edt.). *Theorizing About Intercultural Communication*. California: Sage.
- Kim, Y.Y. (2006). Communication Patterns Of Foreign Immigrants In The Process Of Acculturation. *Human Communication Research*, 4(1), 66-77
- Krueger, R.A. (1994). *Focus Groups: a Practical Guide for Applied Research*. New York: Sage Publications.
- Lindlof, T.R. & Taylor, B.C. (2011). *Qualitative Communication Research Method* (Edisi Ke-3). Los Angeles: SAGE Publications.
- Lysgaard, S. (1955). Adjustment in a foreign society: Norwegian Fulbright grantees visiting the United States. *International Social Science Bulletin*, 7(1), 45-51.
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation And Personality* (Edisi ke-2). New York: Harper & Row
- Mohd Tap Salleh. (1990). *Planning and Administration of Development Programmes for Tribal Peoples (The Malaysian Setting)*. Kuala Lumpur: Department of Orang Asli Affair.
- Mohd Mizan, Abdullah & Shuhairimi. (September, 2004). *Pembentukan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal*. Kertas Kerajaan Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme. Anjuran Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.

- Mohd Nur Syufaat Jamiran , Seow Ta Wee & Maryati Mohamed. (2013). *Orang Asli Dan Persekitarannya : Kajian Kes di Kampung Peta*. Retrieved December 1<sup>st</sup>, 2014 from [https://www.academia.edu/4049247/Orang\\_Aslis\\_Dan\\_Persekitarannya\\_Kajian\\_Kes\\_Di\\_Kampung\\_Peta](https://www.academia.edu/4049247/Orang_Aslis_Dan_Persekitarannya_Kajian_Kes_Di_Kampung_Peta)
- Nasrudin Subhi, Lee Chui Pei, Salina Nen, Norshaffika Izzaty Zaiedy Nor, Khadijah Alavi & Norulhuda Sarnon. (2011). Penyesuaian Diri dan Cara gaya Tindak Pelajar Sabah dan Sarawak di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (Adjustment and Coping Styles of Sabah and Sarawak Students in Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi). *Jurnal Personaliti Pelajar*, 14, 69-81.
- Nicholas, C. (Julai, 2005). *Integration and Modernization of the Orang Asli: The impact on culture and identity*. Kertas Kerja dibentangkan di 1st International Conference on the Indigenous People anjuran Centre for Malaysian Pribumi Studies, University of Malaya, Ministry of Culture, Arts & Heritage, Department of Museums & Antiquities and the Department of Orang Asli Affairs.
- Pietila, I. (2010). *Intercultural Adaptation As A Dialogical Learning Process- Motivational Factors Among The Short-Term And Long-Term Migrants*. (Disertasi Ph.D). University of Tampere, Finland.
- Siti Nurul Ainmey. (2013). *Pendidikan Vokasional Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Sebagai Pembelajaran Sepanjang Hayat*. (Tesis Sarjana) Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Ting Len Siong. (2013). *Budaya Dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: FreeMind
- Ting Leng Siong & Mohd Sidek Said. (2007). *Ingin Menjadi Guru*. Puchong: Ilmu Media Trade
- Toh Kit Siang. (2008). *Pendidikan Orang Asli [Projek Sarjana Muda]*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.